

Headline	Sasar lebih ramai petani miliki myGAP		
MediaTitle	Sinar Harian (Pantai Timur)		
Date	07 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	40,000
Page No	20	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	217 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,338
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,015



## Sasar lebih ramai petani miliki myGAP

**KOTA BHARU** - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menasarkan lebih ramai petani dan peladang di bawah ladang kontrak mereka memperoleh Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) pada masa akan datang.

Pengerusi Fama, Ishak Ismail berkata, kini daripada 29 peserta ladang kontrak tembikai susu di Kampung Banggol hanya seorang yang mendapat myGAP.

Katanya, myGAP mempunyai kelebihan tertentu yang membolehkan setiap produk mereka diperiksa dan diluluskan oleh agensi berkaitan.

"Kalau ada myGAP harga buah yang dibeli pun berbeza RM0.10 lebih tinggi dari buah premium lain.

"Jabatan Pertanian akan bantu berkaitan sijil myGAP ini dan saya difahamkan setiap tahun hanya enam orang akan mendapat myGAP mengikut prosedur yang ditetapkan termasuk semua bahan dalam sektor pertanian ini akan direkodkan dari awal penanaman sehingga tuaian dan jualan," katanya selepas melawat ladang kontrak Kampung Banggol.

Ishak berkata, pada 2011 Fama telah membeli hasil jualan dengan harga keseluruhannya RM235,500 dan pada tahun lalu hasil itu meningkat kepada RM1.95 juta.

"Kita beri komitmen untuk membeli hasil tanaman terus dengan petani melalui rundingan ladang kontrak sebelum ditanam lagi.

"Untuk memastikan jaminan kualiti terbaik ini kita ada pegawai seranta setiap musim turun padang bersama petani," katanya.

Ishak berkata, kerjasama ini juga menguntungkan petani yang sebagiannya memperoleh pendapatan sehingga RM40,000 setahun.



Ishak bersama petani meninjau hasil kutipan tembikai susu untuk dipasarkan.